

26 JAN 2003

Mahathir-Iraq (Bergambar)

AMERIKA NAK SERANG IRAQ SEBAB MINYAK, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 26 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengulangi pendapatnya bahawa tujuan sebenar rancangan Amerika Syarikat (AS) hendak menyerang Iraq adalah semata-mata untuk menguasai sumber minyak negara Asia Barat itu.

Perdana Menteri berkata AS juga berani menyerang Iraq kerana ia tahu yang akan terbunuh nanti adalah rakyat Iraq yang tidak berdosa dan tentera Iraq tetapi bukannya rakyat atau tentera Amerika kerana kuasa besar itu mempunyai senjata canggih.

Beliau berkata Presiden Saddam Hussein tidak menggunakan keganasan terhadap rakyat AS tetapi Washington beria-ia hendak menyerang Iraq walaupun selepas lebih 10 tahun berakhirnya Perang Teluk kerana niatnya untuk memilik kekayaan minyak Iraq.

"Inilah sebabnya kita anggap cadangan untuk menyerang Iraq sesuatu yang bertujuan lain iaitu untuk mendapat minyak Iraq yang begitu banyak," katanya ketika berucap pada Perhimpunan Keamanan dan Gerakan Anti Perang anjuran Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia, di padang letak kereta Pangkalan Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM) di Subang.

Perhimpunan itu diadakan selepas Perdana Menteri dan isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali tiba di Pangkalan TUDM itu selepas melakukan lawatan seminggu ke Lubnan, Mesir dan Davos di Switzerland di mana beliau menghadiri Forum Ekonomi Dunia (WEF).

Dengan anggaran simpanan sebanyak 112 billion tong minyak, Iraq dikatakan mempunyai deposit minyak kedua terbesar di dunia selepas Arab Saudi.

Dr Mahathir berkata apa juga laporan pasukan penyiasat berkaitan senjata pemusnah yang didakwa dimiliki Iraq tidak berguna jika hasrat Amerika adalah untuk menyerang Iraq tanpa mempedulikan laporan atau bantahan dunia.

"Kalau hasratnya menyerang, apa juga laporan tidak (berguna). Jadi ini jelas adalah keputusan satu pihak sahaja," kata Dr Mahathir yang merujuk kepada rancangan untuk menyerang Iraq yang dibantah oleh hampir seluruh dunia kecuali Britain dan Australia.

Dr Mahathir berkata Amerika ingin berperang kerana cara berperangnya akan memastikan tiada rakyatnya terbunuh tetapi yang akan menjadi mangsa kelak adalah rakyat Iraq yang tidak berdosa dan tentera Iraq.

"Senjata yang akan digunakan nanti ialah senjata remote yang ditembak daripada ratusan ribu batu yang konon senjata ini begitu accurate atau tepat. Tapi sebenarnya ianya bukan accurate. Kebanyakan yang akan terbunuh adalah rakyat biasa yang tidak terlibat dengan perang itu. Inilah kekhawatiran kita," katanya.

Dr Mahathir berkata peperangan bukanlah cara untuk menyelesaikan sesuatu pertikaian atau masalah sebaliknya perundingan adalah cara terbaik.

"Kalau marah kepada Saddam Hussein, pergilah runding dengan dia tapi jangan bunuh rakyat Iraq yang tidak berdosa," katanya.

Dr Mahathir mengucapkan tahniah kepada Perikatan Keamanan Rakyat Malaysia kerana usaha keamanannya itu, dengan berkata walaupun di negara ini pelbagai pihak mempunyai pendapat berlainan mengenai sesuatu isu, tetapi ianya diselesaikan secara aman.

"Itu adalah cara kita di Malaysia... penyelesaian cara runding baik, sebaliknya peperangan adalah kejam. Peperangan tidak memberikan apa-apa keuntungan kepada mana-mana pihak. Akhirnya semua akan rugi," katanya

dengan merujuk kepada perang saudara Lubnan.

Perang itu yang berlangsung hampir 16 tahun dan berakhir pada 1991 menyebabkan ribuan rakyat Lubnan terbunuh manakala banyak harta benda turut musnah dan kini negara Asia Barat itu sedang dalam proses untuk membangun semula.

Perhimpunan hari ini dihadiri 2,000 orang anggota parti politik, pertubuhan belia, badan bukan kerajaan dan pelajar sekolah.

Dr Mahathir berkata perhimpunan seperti itu akan membuktikan kepada dunia bahawa rakyat Malaysia adalah pencinta keamanan dan prihatin dengan nasib mangsa peperangan.

"Saya harap teruskan usaha ini sehingga dunia sedar bahawa peperangan bukanlah caranya untuk menyelesaikan pertikaian antara negara tertentu," katanya.

Setiausaha Pergerakan Pemuda Umno Zulkifli Alwi yang berucap di majlis itu berkata Dr Mahathir begitu berani menyuarakan pendirian Malaysia mengenai pelbagai isu seperti peperangan dan keganasan sehingga mendapat sokongan banyak negara lain.

"Perjuangan beliau menjadi inspirasi kita untuk kempen anti-peperangan dan keamanan," katanya.

Zulkifli berkata satu perhimpunan besar-besaran akan diadakan pada 23 Feb ini di Dataran Merdeka dengan penyerahan memorandum serta satu juta tandatangan kepada Dr Mahathir bagi menunjukkan keprihatinan rakyat Malaysia kepada keamanan sejagat.

-- BERNAMA

RV RV MAI